

15 MAR 2001

PATA-Sukarela

80 SUKARELAWAN AKAN BERTUGAS PADA PERSIDANGAN APEC, PATA

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Seramai 80 sukarelawan hari ini memulakan program latihan dua hari yang akan menyaksikan mereka memainkan peranan sebagai "hos sempurna" bulan depan kepada kira-kira 2,000 perwakilan Forum Pelancongan APEC Kedua dan Persidangan Tahunan PATA ke-50 di Kuala Lumpur.

Perwakilan PATA dari 70 negara anggota akan menghadiri kedua-dua persidangan itu yang akan diadakan antara 7 April dan 12 April, 2001.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Persidangan Tahunan PATA selama lima hari pada 9 April.

Para sukarelawan itu, dari sektor swasta dan awam akan dilatih dengan kemahiran perhubungan pelanggan dan perkhidmatan pelanggan bagi membolehkan mereka menjalankan tugas secara profesional.

"Sebagai barisan depan bagi kedua-dua persidangan ini, kami mahukan mereka benar-benar tahu dengan tugas mereka dan memastikan urusan berjalan lancar bagi para perwakilan termasuk perjalanan dari lapangan terbang dan pengangkutan ke venue," menurut sumber persidangan itu.

Kali terakhir Malaysia menjadi tuan rumah kepada Persidangan PATA ialah pada 1986.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pengangkutan dan Logistik Persatuan Agensi-agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) Stephen Lim berkata para perwakilan akan dijaga dengan sebaik mungkin.

"Sifat mesra yang merupakan lambang cara hidup Malaysia, akan dapat dirasai oleh para perwakilan sepanjang persidangan itu.

"Mereka akan pasti berasa begitu dialu-alukan dan ini akan memberikan kesan seumur hidup kepada para perwakilan," kata Lim.

Beliau berkata tanggapan pertama akan memberikan kesan mendalam kepada para perwakilan yang akan mempromosikan negara ini kepada pelanggan mereka sebaik sahaja mereka pulang ke tanah air masing-masing.

Oleh itu, Lim berkata para sukarelawan perlu berkerja sebagai satu pasukan bagi memastikan kejayaan Forum Pelancongan Apec dan Persidangan PATA.

"Anggota MATTA dan pengusaha industri pelancongan juga akan memainkan peranan penting bagi memastikan kejayaan acara itu," katanya.

-- BERNAMA

RR AHH RHM